

Bermain Kata Aliran Semasa

Apabila zaman beralih, musim juga berubah. Dengan pertukaran masa, pelbagai isu baharu menjadi tarikan dan tumpuan perbincaran masyarakat. Oleh itu, timbul dan terciptalah pelbagai kata baharu untuk mengungkapkan fenomena tersebut. Hal ini dikatakan sebagai neologisme dalam ilmu linguistik.

Dengan kos tenaga kerja yang semakin meningkat, ada premis perniagaan kini menawarkan khidmat layan diri. Antaranya termasuklah kios layan diri atau restoran layan diri. Rangkaian kata "layan diri" boleh juga digantikan dengan kata "swalayan". Imbuan "swa-"

ialah awalan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud "sendiri".

Pada masa ini, bagaikan sudah menjadi kegunaan bagi penggemar *selfie*, iaitu mengambil gambar atau potret sendiri. Perkataan *selfie* sudah ada dalam istilah bahasa Melayu, iaitu "swafoto", "swagambar" atau "gambar kendiri". Kata "swafoto" boleh ditambah imbuan untuk menjadi "berswafoto", "perswafotoan", "keswafotoan" dan "penswafotoan". Dalam hal ini, "swafoto" boleh diambil dengan kamera yang dipegang pada tangan atau menggunakan "kayu swafoto". Selain itu, imbuan "swa-" juga terdapat pada kata, seperti

"swadaya" (kekuatan sendiri), "swatenaga" (tenaga sendiri), "swasta" (berdiri sendiri), "swasambada" (keperluan sendiri) dan "swatantra" (pemerintahan sendiri).

Antara amalan perniagaan yang kurang beretika ialah *hoarding*, atau "menyorokkan barang keperluan" untuk mengaut keuntungan berganda apabila harga barangan tersebut melambung naik. Ada juga peniaga yang melakukan *profiteering* atau "mencatut harga barangan", iaitu menaikkan harga barangan melebihi had yang dibenarkan. Selain itu, sesetengah penjenayah mungkin melakukan *money laundering*

“
Antara amalan perniagaan yang kurang beretika ialah *hoarding* atau "menyorokkan barang keperluan" untuk mengaut keuntungan berganda apabila harga barangan tersebut melambung naik. Ada juga peniaga yang melakukan *profiteering* atau "mencatut harga barangan", iaitu menaikkan harga barangan melebihi had yang dibenarkan.”

atau "pengubahan wang haram" agar mereka dapat menikmati habuan aktiviti haram mereka tanpa dibai oleh pihak berkuasa. Ada pula penjenayah yang melakukan *human trafficking* atau "pemerdagangan manusia".

Selain itu, ada penjenayah yang memperdayakan mangsa untuk mengedarkan dadah dengan cara *drug mule* atau "keldai dadah". Contoh yang lain, jenayah alaf baharu termasuklah *child grooming* atau "pengantunan kanak-kanak", *sexual assault* atau "amang seksual" dan *computer hacking* atau "penggodaman komputer". Dalam hal ini, "pengantunan kanak-kanak" bererti proses orang dewasa menjalin hubungan persahabatan dengan kanak-kanak (biasanya melalui Internet) dengan niat hendak mengadakan hubungan seks. Rangkaian kata "amang seksual" bererti serangan atau keganasan yang berkaitan dengan seks. Rangkaian kata "penggodaman komputer" pula bererti tindakan sulit untuk melihat atau mengubah maklumat pada sistem komputer pihak tertentu tanpa mendapatkan kebenaran daripadanya terlebih dahulu.

Pada hari temasya sukan, satu acara yang sering diadakan dalam upacara pembukaannya ialah *march past* ("lintas hormat") atau perarakan di hadapan



Hati-hati si perokok apabila melulus zon larangan merokok!

tetamu kehormat. Namun, bagi majlis pada peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa, acara lintas hormat mungkin dibayangi acara *fly-past* atau "lintas terbang", iaitu sekumpulan pesawat terbang yang meluncur laju dalam pelbagai formasi di angkasa untuk disaksikan oleh para hadirin.

Pada zaman moden ini juga sering dikaitkan dengan konsep *free* atau bebas. Oleh itu, kita ada *free port* atau "pelabuhan bebas cukai", Tempat awam biasanya merupakan *smoke free zone* atau "zon bebas rokok". Konsep *hands-free* diterjemahkan sebagai "bebas tangan". Ada kalanya, kata "tanpa" menggantikan akhirnya dalam bahasa Inggeris. Sebagai contohnya, *paperless office* atau "pejabat tanpa kertas" dan *cashless society* atau "masyarakat tanpa tunai". Kata *zero* diterjemahkan kepada "sifar" dalam hal seperti "kemiskinan sifar" (*zero poverty*), "kesilapan sifar" (*zero defect*) dan "masalah disiplin sifar" (*zero discipline problems*). Rangkaian kata *hard core* pula diterjemahkan sebagai "tegar" dalam hal "golongan yang miskin tegar" (*hard core poor*) dan "murid yang bermasalah disiplin tegar" (*hard core offenders*).

Dengan adanya Internet, kita mula berhadapan dengan *borderless world* atau "dunia tanpa sempadan". Pelaksanaan *open sky policy* atau "dasar langit terbuka" menjadikan dunia kita seolah-olah mengecil, lalu menjadi *global village* atau "perkampungan dunia". Kita sering *surf the virtual world* atau "melayari alam maya (siber)" untuk mencari maklumat. Kita berborak atau berceloteh dengan rakan siber melalui aplikasi seperti *chatroom* atau "laman sembang-sembang".

Selain itu, kemajuan dalam ilmu teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan pelbagai perkhidmatan atau produk elektronik muncul bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Antara contohnya termasuklah *email* (e-mail) atau e-mel, *e-commerce* atau e-dagang, *e-kiosk*

atau e-kios, *e-hailing* atau e-panggilan, dan *e-banking* atau e-perbankan. Sebagai contohnya, *e-hailing* atau "e-panggilan" merupakan sistem tempahan perkhidmatan dalam talian seperti Uber atau Grabcar. Dalam hal ini, "e" merupakan singkatan bagi kata "elektronik". Selain itu, penggunaan sempang diwajibkan untuk disesuaikan dengan tatacara antarabangsa. Dari segi *online transaction* atau transaksi dalam talian yang lain, terdapat produk seperti *paywave* atau "bayaran tanpa sentuh" dan *e-money* atau "wang elektronik".

Ada juga pihak yang cuba menanggung di air keruh untuk memperoleh pendapatan yang lebih. Bagi konsert, perlawanan sukan atau tiket perjalanan yang menjadi rebutan orang ramai, ada *touts* atau "ulat tiket" yang membeli tiket sampai habis, dan kemudiannya menjual tiket tersebut dengan harga yang jauh lebih tinggi. Dari segi pembalakan, ada *logging pirates* atau "lanun pembalakan", iaitu pihak yang melakukan pembalakan secara haram. Dengan adanya program *Baucar Buku 1Malaysia*, muncul pula *voucher sharks* atau "jerung baucar" yang melakukan manipulasi sehingga berlaku ketirisan pada baucar tersebut, iaitu terdapat pihak yang berkeperentingan memujuk atau mendorong pemegang baucar buku agar menggunakan baucar tersebut untuk membeli barangan selain buku, atau menukarkannya terus kepada wang tunai.

Kebanjiran budaya luar turut menyaksikan pelbagai sajian negara lair melimpahi pasaran Malaysia. Dengan itu, pelbagai kata pinjaman memasuki bahasa Melayu. Kalau dahulunya kita ada lempeng, sekarang ditambah lagi dengan hidangan yang hampir serupa, iaitu "pankek" (*pancake*) dan "wafel" (*waffle*). Selain itu, hidangan atau makanan yang popular dari luar negara termasuk "piza" (*pizza*), "spageti" (*spagetti*), "makaroni" (*macaroni*), "sosej" (*sausage*), "nuget" (*nugget*), "susy" (*sushi*), "donut" (*doughnut*) dan "hot dog" (*hot dog*). Ada juga makanan dari luar negara yang namanya diterjemahkan, seperti "ubi kentang" (*French fries* atau *potato chips*), "roti gandum" (*whole wheat bread*) dan "koktel buah" (*fruit cocktail*).

Bahasa merupakan mekanisme sosial yang hidup dan dinamik. Oleh hal yang demikian, perubahan yang berlaku pada bahasa itu tidak akan berakhir. Satu perkembangan terkini dalam bahasa Inggeris ialah kata *wefie*, iaitu "potret sendiri atau *svafoto* bersama-sama dengan rakan atau kaum keluarga". Oleh hal yang demikian, usaha untuk menterjemahkan keghaiban semasa menjadi kegiatan bahasa adalah perkara yang berlaku sepanjang zaman. **PE**